

Pembangunan Lestari Menerusi Sains Halal: Kajian Ayat al-Qur'an Terpilih

BITARA

Volume 6, Issue 1, 2023: 163-176
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 23 January 2023
Accepted: 26 February 2023
Published: 30 March 2023

[Sustainable Development Through Halal Science: A Study on Selected Verses From the al-Qur'an]

Shahirah Said¹, Norazilawati Md Dahlal², Siti Sarah Izham³,
Mastura Razali¹ & Nadiah Rus Liyana Rusli^{4*}

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. Kampus Permatang Pauh 13500 Permatang Pauh Pulau Pinang, Malaysia

² International Institute for Halal Research and Training (INHART), Level 3, KICT Building, International Islamic University Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Selangor

³ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, Menara UMS Kampus Antarabangsa Labuan, 87000 Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan.

*Corresponding Author: shahirah4572@uitm.edu.my

Abstrak

Pembangunan lestari masa kini berdepan dengan revolusi perindustrian 4.0. Kepenggunaan sains dan teknologi yang semakin menyeluruh menuntut peranan manusia lebih berinovasi, berkeaktiviti serta berfungsi dengan lebih cekap. Manusia menurut kaca mata Barat adalah mereka yang perlu dimanfaatkan seluruh kapasiti dan kekuatan yang ada padanya bagi mencapai sebanyak mungkin keuntungan tanpa mengambil kira keperluan emosi, psikologi dan lain-lain lagi. Begitu juga dalam industri halal, yang memerlukan kebergantungan yang tinggi terhadap sains dan teknologi. Oleh itu timbul persoalan, bagaimanakah kedudukan manusia dalam sains halal? Apakah peranan dan fungsinya? Bagi menjawab persoalan tersebut, makalah ini mempunyai dua objektif iaitu pertama, mengenal pasti ayat-ayat al-Qur'an mengenai hakikat manusia dalam sains halal dan kedua, menganalisis ayat-ayat al-Qur'an mengenai hakikat manusia dalam sains halal. Kajian secara kepustakaan ini telah mendapati terdapat enam ayat al-Qur'an yang telah dipilih untuk dianalisis secara tafsir *al-mawdu'iy*. Kajian mendapati, hakikat manusia dalam sains halal menurut al-Qur'an bukan sahaja menjelaskan kelebihan manusia dari sudut kejadiannya, martabatnya dan psikologinya tetapi juga merangkumi tiga kemuliaan iaitu kemuliaan fizikal, kedua kemuliaan psikologi dan ketiga kemuliaan hidup. Dalam pada itu, Allah SWT juga menyeimbangkannya dengan menjelaskan kekurangan, kelemahan dan ketakutan yang ada manusia.

Kata kunci: Sains halal, hakikat manusia, pembangunan lestari, kajian al-Qur'an.

Abstract

Contemporary sustainable development initiatives are facing the realities of Industrial Revolution 4.0. (IR4.0). The increasingly comprehensive use of science and technology demands a more innovative, creative, and functionally efficient human role in the present situation. Humans, from a Western perspective, need to expand all their capacities and strengths to achieve maximum profit without considering their emotional, psychological, and other needs. Conversely, the halal industry requires a high level of reliance on science and technology. Hence, the question arises, what is the position of humans in halal science? What are their roles and functions? To answer these questions, this study has two objectives. Firstly, to identify the verses from the al-Qur'an pertaining to the nature of mankind in halal science and secondly, to analyse these verses from the al-Qur'an. This library research study had identified six verses from the al-Qur'an that were analysed using the *al-mawdu'iy* interpretation method. Findings indicate that the essence of mankind in halal science according to the al-Qur'an

help depict the virtues of mankind from the aspect of his becoming, dignity, and psychology, as well as his nobility, namely his physical, psychological and life values. In addition, Allah SWT also strikes a balance by illustrating the shortcomings, weaknesses and fears inherent in humans.

Keywords: Halal Science, essence of mankind, sustainable development, study of the al-Qur'an

Cite This Article:

Shahirah Said, Norazilawati Md Dahlal, Siti Sarah Izham, Mastura Razali & Nadiah Rus Liyana Rusli. (2023). Pembangunan Lestari Menerusi Sains Halal: Kajian Ayat al-Qur'an Terpilih [Sustainable Development Through Halal Science: A Study on Selected Verses From the al-Qur'an]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(1): 163-176.

Pengenalan

United Nation (2015) meletakkan tiga prinsip utama yang menjadi asas kepada pembangunan lestari iaitu pembangunan ekonomi, rangkuman sosial dan penjagaan alam sekitar. Semua prinsip ini haruslah diintegrasikan bagi mencapai pembangunan lestari. Hal ini seiring industri halal yang memastikan kesemua pengeluaran produk halal, penggunaannya, daya saing dalam ekonomi serta kesannya terhadap manusia dan alam sekitar diambil berat (Muhammad Hisyam Mohamad, 2017). Pembangunan yang lestari memerlukan asas pengetahuan sains dan pemikiran yang saintifik (Ahmad Ismail, 2018). Hal ini bukan sahaja berkait rapat dengan sains dan teknologi tetapi melibatkan nilai-nilai Islam yang perlu ada bagi membantu ke arah pembangunan lestari yang holistik. Sains halal pula berperanan sebagai asas kepada kemajuan industri halal sama ada dalam aspek teoretikal mahupun aplikasi dalam industri itu sendiri. Dalam pada itu, manusia berperanan sebagai pemain industri, pembuat dasar, pengguna dan lain-lain yang sebenarnya merupakan penggerak utama dalam industri halal (Shahirah Said & Mohd Shukri Hanapi,). Dalam sains halal, hakikat manusia dibincangkan dalam aspek ontologi dan perbincangannya melangkaui alam fizik. Hal ini berbeza manusia menurut sains moden (Mat Rofa Ismail, 2013; Noor Hisham Md Nawi & Nurul Hudani Md Nawi, 2017:45 dan Abd Rahman Abdullah, 2010). Maka, timbul persoalan apakah sebenarnya hakikat manusia dalam sains halal? Bagaimanakah manusia berfungsi dalam memastikan pembangunan lestari menerusi sains halal tercapai? Bagi menjawab persoalan tersebut, adalah penting merujuk kembali hakikat manusia dalam sains halal berdasarkan al-Qur'an. Oleh itu, makalah ini mempunyai dua objektif iaitu pertama, mengenal pasti ayat-ayat al-Qur'an mengenai hakikat manusia dalam sains halal; dan kedua, menganalisis ayat-ayat al-Qur'an mengenai hakikat manusia dalam sains halal. Bagi mencapai kedua-dua objektif tersebut perbincangan dalam makalah ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu pertama, pengenalan; kedua, metodologi kajian; ketiga, analisis ayat-ayat al-Qur'an terpilih dan keempat, kesimpulan keseluruhan kajian dinyatakan.

Metodologi Kajian

Makalah ini menggunakan kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan data sekunder sebagai rujukan dan penganalisan. Secara lebih terperinci, bagi menganalisis ayat-ayat al-

Qur'an terpilih secara tafsir al-mawdui'y, pengkaji menggunakan beberapa kitab tafsir antaranya seperti Al-Tafsir al-Tabariy al-Musamma Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an karangan al-Tabariy, Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an karangan al-Qurtubiy, Tafsir al-Qur'an al-'Azim karangan Ibn Kathir, Fi Zilal al-Qur'an karangan Sayyid Qutb, Tafsir al-Azhar karangan Abdul Malik Karim (HAMKA), Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidat wa al-Syari'at wa Manhaj oleh al-Zuhayliy, Tafsir al-Maraghiy oleh Ahmad Mustafa al-Maraghiy dan Tafsir Al-Misbah oleh M.Quraish Shihab. Selain itu, perbincangan dan penganalisisan turut menggunakan sumber sekunder lain seperti jurnal, buku, tesis, artikel, dan lain-lain bagi menjelaskan dan menyokong sumber utama kajian ini.

Seterusnya bagi proses pengenalpastian ayat-ayat al-Qur'an kajian ini menggunakan lafaz halal dan beberapa lafaz lain yang dekat dengan lafaz halal iaitu tayyib (baik), kulu (makanlah) dan asyrabu (minumlah). Kemudian penganalisisan mengenai hakikat manusia dalam sains halal dilakukan berdasarkan kitab tafsir yang telah dinyatakan.

Pengertian Hakikat Manusia dalam Sains Halal

Bagi memudahkan perbincangan, makalah ini membahagikan pengertian hakikat manusia dalam sains halal secara berasingan mengikut dua istilah iaitu hakikat manusia dan sains halal sekali gus yang menjadi tumpuan perbincangan dalam kajian ini.

Perbincangan hakikat manusia dalam sains halal berada di ruang lingkup ontologi. Ontologi sains halal membezakan falsafah sains moden dengan falsafah sains halal disebabkan perbincangan ontologi yang melangkaui alam fizik (Mat Rofa Ismail, 2013). Perbincangannya juga melibatkan sesuatu yang membentuk alam. Hal ini penting bagi mengetahui hakikat kejadian dan kewujudan sesuatu perkara (Noor Hisham Md Nawi & Nurul Hudani Md Nawi, 2017:45). Ontologi sains halal merupakan ilmu yang memandu manusia supaya akur bahawa Allah SWT sebagai sebaik-baik Pencipta yang menciptakan pelbagai jenis sumber alam bagi manfaat manusia dan makhluk ciptaan-Nya yang lain. Menurut Abdul Rahman Abdullah (2010), terdapat tiga persoalan asas ontologi iaitu hakikat Tuhan, hakikat manusia dan hakikat alam semesta. Perbincangan mengenai hakikat manusia pula merangkumi roh, akak dan jasad, keabadian dan perubahan dan lain-lain lagi. Menurut Mohd Yusof Othman (2017), manusia mempunyai roh, nafsu, qalbu dan akal yang fungsinya hebat berbanding makhluk lain.

Seterusnya ungkapan sains halal terbina dari dua istilah iaitu sains dan halal. Sebelum dijelaskan maksud sains halal, terlebih dahulu dinyatakan maksud sains dan halal secara berasingan. Secara umumnya, sains berfungsi sebagai alat untuk mencari kebenaran tentang alam semesta dan sains juga dianggap dapat mengukuhkan keimanan kepada penganutnya. Secara lebih terperinci, Mohd Yusof Othman (2009:45) menyatakan bahawa, aktiviti sains adalah menyumbang kepada kesejahteraan kepada manusia. Maka terbangunlah dunia ini dengan aktiviti saintifiknya. Namun begitu, aktiviti tersebut bukan sahaja proses memastikan manusia dapat memahami alam tabii dan mengambil manfaat daripadanya semata-mata, tetapi manusia juga perlu berusaha mencapai kedamaian dan keharmonian diri (*sakinat* atau *tanquility*) atas tanggungjawab dan sedar diri terhadap Tuhannya. Osman Bakar (2008:81) pula, meletakkan tiga asas utama dalam mencapai matlamat asas tersebut iaitu akal manusia, alam semesta dan al-Qur'an dalam menggarap wahyu Allah SWT. Menurut Ziauddin Sardar

(1992:55) dan Seyyed Hossein Nasr (2008), sains Islam merupakan aktiviti-aktiviti tertentu yang digunakan untuk mencari kebenaran dan penyelesaian masalah. Semuanya perlu beroperasi dalam struktur nilai-nilai Islam yang tersendiri. Ini bermakna matlamat, alat, kaedah dan proses haruslah bercirikan Islam. Menurut

Setelah dijelaskan konsep istilah sains, kertas kerja ini akan menghuraikan pula konsep bagi istilah halal. Halal daripada aspek terminologi bermaksud keluar daripada hukum haram. Manakala halal secara umumnya menurut ulama muktabar seperti al-Ghazali (1988:530), Ibn Kathir (2003:468) Qutb (2000:128), Hamka (1990:3977) dan Ahmad Qudimah al-Maqdisi (2005:170) bermaksud, halal yang merangkumi perkara yang baik-baik sahaja. Seterusnya membawa manfaat kepada fizikal seseorang dan agamanya. Namun begitu Hamka (1990:3977) menjelaskan lagi bahawa sesuatu yang halal tersebut juga merangkumi padanya sumber yang baik, iaitu bukan dicuri dan dirompak, bukan daripada menipu dan merugikan orang lain. Hal ini juga sama menurut al-Ghazali (1988:309) melalui kitab *Ihya' 'Ulumuddin*. Menurut beliau makanan yang halal juga merujuk cara mendapatkannya iaitu yang bertepatan dengan sunnah dan wara'. Tidak diusahakan menurut hawa nafsu serta perlu memenuhi tingkat takwa. Ibn Kathir (2003) pula, menjelaskan perkaitan halal dengan *tayyiba*. *Tayyiba* membawa maksud baik, bermanfaat dan elok daripada segi tabiat dan syarak. Ia merangkumi dua perkara, iaitu soal fizikal dan kerohanian yang mesti selari dengan syariat dan disertai dengan keikhlasan kepada Allah SWT.

Apabila perkataan sains dan halal digabungkan maka terbentuklah istilah sains halal yang lebih khusus. Sains halal merujuk satu aktiviti penyelidikan halal yang melibatkan penggunaan unsur sains dan teknologi. Pengkajian tersebut secara tidak langsung memerlukan perkaedahan saintifik bagi memenuhi tuntutan-tuntutan pengkajian. Kebiasaannya penyelidikan secara saintifik ini melibatkan isu-isu penetapan hukum yang bersifat semasa dan kontemporari (Sa'adan Man, 2013, Mohammad Aizat Jamaluddin & Mohd Anuar Ramli, 2013).

Analisis Ayat-ayat al-Qur'an Terpilih

Ayat al-Qur'an yang telah dikenal pasti mengenai hakikat manusia dalam falsafah sains halal adalah seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Senarai Ayat Al-Qur'an Mengenai Hakikat Manusia Dalam Sains Halal

Bil	Nama Surah	Terjemahan
1	Al-Ma'idah (5:1)	Wahai orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Ia kehendaki.
2	Al-Anfal (8:36)	Dan ingatlah ketika kamu sedikit bilangannya serta tertindas di bumi, kamu takut orang menangkapmu, maka Allah memberimu tempat

- bermastautin dan Dia perkuatkan kamu dengan pertolongan-Nya, serta dikurniakan-Nya kamu dari rezeki yang baik-baik, supaya kamu bersyukur.
- 3 Al-Isra' (17:70) Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan kenderaan di darat dan di laut; dan Kami berikan rezeki kepada mereka dari yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.
 - 4 Maryam (19:26) Maka makanlah dan minumlah serta bertenanglah hati dari segala yang merunsingkan. Kemudian kalau engkau melihat seseorang manusia, Maka katakanlah: Sesungguhnya aku bernazar berpuasa kerana Ar-Rahman; maka aku tidak akan berkata-kata kepada manusia pada hari ini.
 - 5 Ghafir (40:64) Allah yang menjadikan bumi untuk kamu menetap, dan langit sebagai atap; dan Ia membentuk kamu lalu memperelok rupa kamu, serta dikurniakan kepada kamu dari benda-benda yang baik lagi halal. Yang demikian ialah Allah, Tuhan kamu; maka nyatalah kelebihan dan kemurahan Allah, Tuhan sekalian alam
 - 6 Al-Jathiyah (45:16) “Dan sesungguhnya, Kami telah memberi kepada Bani Israel Kitab Taurat, dan pangkat kehakiman serta pangkat kenabian; dan Kami telah kurniakan mereka rezeki yang baik-baik, serta Kami lebihkan mereka di atas orang yang ada pada zamannya”

Terdapat enam ayat al-Qur'an yang menjelaskan hakikat manusia dalam falsafah sains halal iaitu surah al-Ma'idat (5:1), al-Anfal (8:36), Al-Isra' (17:70), Maryam (19:26) dan Ghafir (40:64) yang secara tidak langsung menerangkan peranan dan tanggungjawab manusia seperti memahami, menjaga dan mengurus sumber alam kerana ia merupakan medium manusia sebagai hamba sebelum bertemu dengan Allah SWT (Khairul Azhar Meerangani, t.t). Dalam pada itu, alam tabii menonjolkan aspek keseimbangan setiap kejadian-Nya. Kehidupan yang berada di alam ini melibatkan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Semuanya saling memerlukan dan mempunyai ikatan kebergantungan sesama makhluk ('Imaaduddin Abdul Halim & Noor Shakirah Mat Akhir, 2016). Namun, manusia mempunyai peranannya yang lebih besar untuk memelihara alam serta menyerah diri dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut. Ketaatan manusia kepada Allah SWT diperincikan lagi dalam hadis berikut yang bermaksud: “Tiada Tuhan selain Allah SWT tiada sekutu bagi-Nya, milik-Nya kerajaan dan pujian dan Dia kuasa atas segala sesuatu, tiada daya dan upaya melainkan kepada-Nya, tiada Tuhan selain Allah SWT, kami hanya menyembah kepada-Nya, milik-Nya kenikmatan dan kurnia, milik-Nya sanjungan dan kebaikan, tiada Tuhan selain Allah SWT, kami ikhlas berserah diri pada-Nya, meskipun orang-orang kafir tidak menyukai” (Hadis Muslim, No 935)

Dalam surah Ghafir (40:64) dan hadis tersebut menggambarkan tiga elemen utama iaitu pertama, Allah SWT sebagai 'Khaliq' yang bermaksud Allah SWT sebagai Pencipta yang telah mencipta mengikut kadar dan kesesuaian. Kedua, Allah SWT sebagai 'Bari' yang bermaksud Dia menciptakan dan mengadakan sesuatu yang asalnya tidak ada seperti makanan, langit sebagai tempat berteduh, bumi sebagai tempat menetap dan sumber rezeki yang halal; dan

ketiga, Allah SWT sebagai '*al-Musawwir*' kerana Allah SWT memberi rupa bentuk dan fungsi setiap yang diciptakan-Nya (M. Quraish Shihab, 2004a:349-350; al-Zuhayliy, 2016a:369).

Secara tersurat, Allah SWT menjelaskan hakikat kejadian manusia yang merupakan salah satu nikmat yang telah Allah SWT jadikan kepada manusia berbanding makhluk lain. Menurut Ibn Kathir (2003a:226), Allah SWT menciptakan manusia sebaik-baik bentuk serta menganugerahkan rupa yang indah dan sempurna. Umumnya, terdapat tiga jenis hakikat kejadian manusia yang terdapat al-Qur'an iaitu pertama, kejadian Nabi Adam a.s yang diciptakan dari tanah (Rujuk Surah al-A'raf (7:11) dan al-Hijr (15:26); kedua, penciptaan Nabi Isa a.s (Rujuk Surah al-Imran (3:45) dan ketiga, kejadian manusia secara biologi (Rujuk Surah al-Mu'minin (23:12-16). Allah SWT menjadikan manusia dengan fizikal yang baik, rupa yang sempurna dan semuanya adalah sesuai dengan aktiviti manusia di bumi antaranya, tugas manusia untuk dapatkan rezeki yang halal lagi baik, bekerja, sebagai tarikan kepada pasangan dan lain-lain lagi (al-Zuhayliy, 2016a:365 dan M.Quraish Shihab, 2004a:350).

Justeru, menjadi tanggungjawab manusia menggunakan nikmat tubuh badan yang telah Allah SWT kurniakan bagi mendapatkan makanan, minuman yang halal lagi baik. Al-Zuhayliy (2016a:365) menjelaskan lagi selain rupa fizikal manusia, makanan dan minuman juga dianggap sebagai nikmat Allah SWT. Ia merupakan makanan yang bervariasi, lazat serta mendatangkan manfaat pada manusia. Sebenarnya kelebihan yang Allah SWT berikan kepada manusia ini merupakan satu kemuliaan. Allah SWT juga menggunakan lafaz '*mulia*' bagi membezakan manusia dengan makhluk lain seperti firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan (*karramna*) anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan kenderaan di darat dan di laut; dan Kami berikan rezeki kepada mereka dari yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka (*wafaddalnahum*) atas kebanyakan makhluk yang Kami telah ciptakan" (al-Isra', 17:70).

Terdapat pelbagai maksud '*mulia*' yang dijelaskan menurut ulama' tafsir tetapi semuanya berkisarkan tiga aspek berikut iaitu pertama, kemuliaan fizikal; kedua, kemuliaan psikologi; dan ketiga, kemuliaan hidup. Kemuliaan fizikal adalah seperti yang dijelaskan dalam Surah Ghafir (40:64) sebelum ini iaitu kemuliaan rupa bentuk yang bagus dan elok. Menurut al-Tabariy (2007b:796) dan Ibn Kathir (2003b:274), manusia merupakan makhluk yang tegak dan berpijak pada dua kakinya sedangkan haiwan berjalan menggunakan empat kakinya (Namun sebahagian binatang lain berjalan menggunakan dua kaki seperti yang dinyatakan dalam ayat lain yang bermaksud (Surah al-Nur, 24:45).:

"Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air; maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian di antaranya berjalan dengan dua kaki dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah SWT menciptakan apa yang Dia kehendaki (selain dari yang tersebut), kerana sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu

Manusia makan menggunakan tangan dan dapat menyuapkan ke mulut serta dikurniakan pendengaran dan penglihatan kepada manusia. Manusia juga berpakaian yang elok dan hal ini tidak sama dengan binatang. Seterusnya, manusia juga mempunyai pelbagai kemahiran utamanya iaitu menulis, berbicara, memahami dan membezakan (al-Qurtubiy, 2008a:728).

Kedua, manusia dikurniakan kemuliaan hidup iaitu disediakan kenderaan seperti kapal besar dan kecil di laut serta kuda dan keldai yang digunakan untuk mengangkut manusia di darat (Ibn Kathir, 2003b:274). Selain kenderaan, Allah SWT menyediakan juga pelbagai sumber makanan dan minuman yang bermanfaat dan memenuhi keperluan zat (nutrisi) manusia. Kurniaan rezeki ini adalah seperti tanaman, buah-buahan, daging, susu yang beraneka warna dan jenis. Menurut Qutb (2000a:239), selain makanan, rezeki yang baik juga merangkumi cahaya matahari, udara, air, kesihatan yang baik dan alam sekeliling. Semua ini dijadikan oleh Allah SWT sesuai dengan aktiviti dan keperluan manusia di bumi demi survival hidup yang aman dan selamat.

Ketiga, merupakan kemuliaan psikologi yang menonjolkan penghormatan dan kemenangan yang ada pada manusia iaitu kemuliaan akal, hati dan nafsu. Kesemua ini menjadikan manusia berperasaan, menguasai pelbagai bahasa, boleh membuat keputusan, berilmu dan secara tidak langsung menjadi sandaran pemberian tugas kepada manusia (al-Qurtubiy, 2008a:728). Selain itu, dengannya juga manusia dapat mengenal Allah SWT, memahami nikmat yang telah Allah SWT kurniakan dan membenarkan ajaran para Rasul. Oleh itu, Allah SWT lebihkan ketaatan manusia terhadap-Nya kerana manusia sentiasa berjuang melawan syaitan dan nafsu.

Sesuai dengan kelebihan itu manusia diangkat menjadi khalifah Allah SWT bagi mentadbir, mengurus dan bertanggungjawab setiap perkara dilakukan (al-Zuhayliy, 2016b:130; Qutb, 2000a:240 dan M. Quraish Shihab, 2002b:514-515). Selain kemuliaan, manusia juga diberikan kelebihan iaitu disebut sebagai '*faddalnahum*' dalam firman Allah SWT bermaksud:

“Dan sesungguhnya, Kami telah memberi kepada Bani Israel Kitab Taurat, dan pangkat kehakiman serta pangkat kenabian; dan Kami telah kurniakan mereka rezeki yang baik-baik, serta Kami lebihkan (*wafaddalnahum*) mereka di atas orang yang ada pada zamannya” (al-Jathiyat, 45:16).

Ayat *Makkiyyat* ini menjelaskan kelebihan yang Allah SWT beri kepada Bani Israel secara khusus. Menurut al-Qurtubiy (2008b:237) dan Ibn Kathir (2003a:384), kelebihan ini berdasarkan bangsa ketika zaman itu sahaja tetapi M. Quraish Shihab (2004b:46) menyatakan kelebihan tersebut merangkumi pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja berdasarkan ayat '*wafaddalnahum 'ala al-'alamin*' yang bermaksud, Kami lebihkan mereka atas seluruh alam. Walaupun berbeza pendapat mengenai maksud lafaz 'mereka' dalam ayat tersebut, namun para ulama tafsir bersepakat tentang kelebihan-kelebihan yang telah Allah SWT berikan kepada Bani Israel iaitu seperti diturunkan kitab Taurat yang terdapat dalamnya petunjuk dan cahaya, nikmat kenabian kerana diutus ramai Rasul dalam kalangan Bani Israel seperti Nabi Yusuf, Musa, Harun dan Isa dan terdapat mukjizat kerasulan yang tidak terdapat pada bangsa lain seperti mukjizat terbelah air laut.

Seterusnya yang terakhir merupakan nikmat kemewahan harta benda dan rezeki yang baik serta lazat (Ibn Kathir, 2003a:384, Qutb, 2000b:457 dan al-Zuhailiy, 2016c:251). Menurut Ibn 'Abbas (2011a:303) dan al-Tabariy (2007b:290), rezeki yang baik dalam ayat ini merujuk kepada *manna* dan *salwa* ('*Manna* merupakan makanan/minuman yang ada di atas pokok-pokok kayu dan lafaz '*salwa*' pula adalah sejenis burung yang boleh didapati dengan banyak dan mudah (Ibn 'Abbas, 2011a: 22-23, Qutb, 2000c: 147-154). Al-Tabariy (2007c:762)

mentakwilkan terdapat dua pendapat mengenai nikmat awan sebagai tempat berteduh dan nikmat makanan dan minuman iaitu ‘*manna*’ dan ‘*salwa*’. Pertama, ia dianggap sebagai kehidupan yang nyaman dan pendapat kedua adalah makanan halal yang Allah SWT telah beri sebagai rezeki. Namun, menurut al-Tabariy (2007c:762) pendapat pertama lebih tepat. Selain ini terdapat ayat lain yang mengisahkan nikmat rezeki yang baik iaitu ‘*manna*’ dan ‘*salwa*’ yang Allah SWT berikan kepada Bani Israel iaitu dalam surah al-A‘raf (7:157) dan al-Jathiyat (46:16) (al-Tabariy, 2007b:290; al-Qurtubiy: 2008b:423; M.Quraish Shihab, 2004b:45). Oleh itu makanan, minuman dan harta benda juga merupakan punca manusia diangkat darjatnya melebihi makhluk yang lain. Namun, apa yang lebih penting bagaimana manusia menjadikan kelebihan-kelebihan tersebut supaya lebih dekat dengan hakikat ketuhanan tetapi bukan semakin ingkar pada syariat yang diturunkan. Hal ini sama kesombongan dan keangkuhan Bani Israel walaupun Allah SWT telah lebihkan mereka berbanding bangsa lain ketika itu. Padahal mereka telah dipimpin oleh ramai nabi yang mengajak tauhid dan takwa kepada Allah SWT (Hamka, 1987a:6612).

Kemuliaan dan kelebihan yang ada pada manusia tidak akan sempurna jika tidak diikuti dengan takwa kepada Allah SWT. Ketakwaan merupakan indikator utama untuk mengiktiraf manusia sebagai tinggi di sisi Allah SWT seperti dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antaramu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya” (al-Hujurat, 49:13).

Begitu juga sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Wahai manusia! Sesungguhnya tuhan kamu sama, bapa kamu sama (Adam). Ketahuilah! Tiada kelebihan orang Arab ke atas ‘*ajam*’ (yang bukan Arab), atau ‘*ajam*’ ke atas Arab, atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, atau yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan” (Riwayat Ahmad, No Hadis 22391)

Huraian para ulama’ tafsir mengenai kemuliaan dan kelebihan pada manusia tersebut secara tidak langsung menjelaskan kemampuan manusia supaya bertanggungjawab terhadap diri sendiri, masyarakat dan seterusnya membina peradaban tamadun. Manusia bukan sahaja diberi kemampuan secara fizikal, tetapi ditundukkan makhluk di langit dan di bumi bagi mengeksploitasi, memproduksi serta menggunakan sebaik mungkin sumber alam. Oleh itu, seharusnya manusia mampu patuh pada peraturan-Nya dalam memelihara batasan halal haram dalam kehidupan termasuklah berkreativiti mendapatkan makanan, minuman serta pelbagai produk yang halal bagi manfaat kehidupannya.

Terdapat pada manusia tiga anugerah yang diberikan iaitu fizikal dan akal yang sempurna, nikmat agama dan akhir sekali dijadikan alam semesta bagi memenuhi keperluan hidupnya (Azizan Ahmad, 2015:2). Justeru, kemuliaan dan kelebihan manusia juga dapat ditonjolkan apabila mampu menggunakan akal bagi memahami falsafah sains halal dan haram

sesuatu perkara yang telah disampaikan dalam al-Qur'an dan hadis. Dalam falsafah sains halal, kemuliaan dan kelebihan manusia merupakan salah satu hakikat kemanusiaan yang membezakan manusia menurut kaca mata falsafah sains moden.

Selain kemuliaan dan kelebihan yang diberikan kepada manusia Allah SWT juga menjadikan manusia dengan beberapa sifat kekurangan seperti ketakutan dan kelemahan. Dalam falsafah sains halal, terdapat ayat al-Qur'an mengisahkan ketakutan Maryam ketika berdepan saat melahirkan Nabi Isa a.s. Namun, Allah SWT mengalirkan air sungai serta membuahkannya kurma sebagai minuman dan makanan bagi mengurangkan ketakutan Maryam ketika itu (al-Tabariy, 207d:537). Hal ini dijelaskan dalam ayat berikut yang bermaksud:

“Maka makanlah dan minumlah serta bertenanglah hati dari segala yang merunsingkan. Kemudian kalau engkau melihat seseorang manusia, Maka katakanlah: Sesungguhnya aku bernazar berpuasa kerana Al-Rahman; maka aku tidak akan berkata-kata kepada manusia pada hari ini” (Maryam, 19:26)

Menurut al-Zuhayliy (2016c:356), air sungai dan buah kurma tersebut sedikit sebanyak membuatkan Maryam bertenang serta menghilangkan kesedihannya. Apabila seseorang yang dalam ketakutan dan kesedihan secara fizikalnya menjadi gelisah, marah, bersedih hati, mata yang tidak terfokus dan lain-lain. Namun, apabila fikirannya telah tenang, maka penglihatan mata akan turut tenang (Hamka, 1990b:4294). Namun, perkara yang lebih penting, walaupun Allah SWT telah mengurniakan makanan dan minuman, Maryam tetap perlu berusaha dan berikhtiar bagi mendapatkannya seperti yang dijelaskan oleh Hamka (1900b:4294) dan al-Maraghiy (2001a:4216), iaitu Maryam perlu mencondongkan pohon kurma ke arahnya kemudian menarik dengan menggoncangkannya agar buah kurma tersebut gugur (Menurut al-Qurtubiy (2008c:254), dalam ayat Surah Maryam (19:25) Allah SWT memerintahkan Maryam a.s menggoyangkan pangkal pohon kurma yang telah kering agar dapat membuktikan kekuasaan Allah SWT iaitu dapat menghidupkan kembali pohon kurma yang telah mati selain Allah SWT juga berkuasa menjadikan Maryam a.s mengandung tanpa proses biasa (al-Maraghiy, 2001a:4216).

Berdasarkan ayat tersebut jelaslah dua perkara penting iaitu pertama, makanan yang baik dapat mengurangkan kesedihan dan ketakutan. Kedua, kurniaan rezeki tersebut juga adalah sebab kepatuhan dan tawakal Maryam terhadap ketentuan dan arahan Allah SWT. Tidak semua ketentuan-Nya dapat dijelaskan atau dibuktikan dengan akal manusia yang terhad. Umumnya makanan memberi kesan terhadap psikologi manusia termasuk kegundahan, kegembiraan dan sebagainya (Mat Rofa Ismail, 2012:174).

Selain pengajaran mengenai kisah ketakutan dan yang ada pada individu iaitu Maryam, Allah SWT juga menerangkan kisah ketakutan yang ada kepada golongan kaum Muslimin yang menerima arahan Allah SWT untuk melakukan peperangan Badar. Allah SWT memerintahkan kaum Muslimin menghadapi peperangan tersebut walaupun ketika itu kuantiti mereka sedikit. Hal ini dinyatakan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan ingatlah ketika kamu sedikit bilangannya serta tertindas di bumi, kamu takut orang menangkapmu, maka Allah memberimu tempat bermastautin dan

Dia perkuatkan kamu dengan pertolongan-Nya, serta dikurniakan-Nya kamu dari rezeki yang baik-baik, supaya kamu bersyukur” (al-Anfal, 8:26)

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat tiga keadaan yang menjadikan kaum Muslimin rasa lemah dan takut pertama, jumlah mereka yang sedikit. Kedua, mereka fakir dan serba kekurangan; dan ketiga, mereka tidak ada tempat tinggal yang selamat. Namun yang jelas, walaupun dalam keadaan ketakutan mereka tetap patuh kepada perintah Allah SWT supaya berhijrah ke Madinah dan selepas itu perlu menghadapi peperangan Badar. Menurut al-Tabariy (2007e:188), ketika berada di Makkah, kaum Quraish merupakan orang kafir yang paling berlaku keras terhadap kaum Muslimin.


Bagi menghilangkan rasa takut tersebut, Allah SWT memberi pertolongan kepada kaum Muslimin antaranya apabila kaum Muslimin lemah dan takut lalu Allah SWT satukan antara kaum Muslimin yang berhijrah dengan kaum Ansar di Madinah. Allah SWT juga menguatkan mereka dengan memberi kemenangan dalam peperangan Badar dan apabila mereka fakir dan kekurangan Allah SWT berikan sumber rezeki yang baik (Ibn Kathir, 2008c:29). Sumber rezeki yang baik menurut al-Tabariy (2007e:188) ialah harta rampasan perang yang halal dan suci. Malah sebahagian ulama berpendapat terdapat padanya makanan yang boleh dimakan (al-Syawkaniy, 2008a:457). Selain itu, Qutb (2000d:69) menjelaskan, setelah kaum Muslimin menyahut seruan Allah SWT dan Rasulullah SAW untuk berperang, mereka diangkat darjatnya menjadi umat yang mulia, kuat, mendapat kemenangan, pahala dan rezeki.

Secara lebih tersirat, M.Quraish Shihab (2002c:356) memetik daripada al-Biqā'i bahawa manusia tidak memiliki kemampuan untuk mendatangkan manfaat, tidak ada kekuatan untuk mengelak daripada mudarat kecuali dengan bantuan Allah SWT. Hal ini menyebabkan manusia berserah diri, berpegang kuat dengan tali Allah SWT dan setelah itu Allah SWT memberikan kemenangan menghadapi musuh Allah SWT. Sumber rezeki atau makanan yang diberikan Allah SWT kepada Maryam seperti yang dinyatakan dalam Surah Maryam (19:26) dan juga kepada orang Islam dalam Surah al-Anfal (8:26) sebenarnya memberi kesan terhadap psikologi manusia. Sumber rezeki dan makanan yang halal lagi baik menjadi keperluan ketika manusia dalam keadaan sakit, sedih, takut, miskin dan rendah motivasi diri. Makanan yang halal, bervariasi dan sihat bukan sahaja memberi kesan terhadap kesihatan manusia secara fizikal tetapi mempengaruhi spiritual, intelektual dan emosi seseorang. Malah turut memberi kesan aktiviti manusia secara kolektif (Sa'adan Man & Zainal Abidin Yahya, 2014:256-260).

Allah SWT juga tidak mensia-siakan hamba-Nya yang berserah diri dan bertawakal menerima arahan-Nya. Justeru sumber rezeki yang baik menjadi habuan atas kepatuhan manusia selain daripada kelebihan dan kemuliaan yang telah diberikan oleh Allah SWT seperti yang dihuraikan sebelum ini. Kemenangan dalam konteks semasa bukanlah berjaya menghadapi musuh Allah SWT dalam peperangan tetapi kemenangan melawan hawa nafsu dan sifat keji seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka adapun orang yang melampau, serta ia mengutamakan kehidupan dunia semata-mata, Maka sesungguhnya neraka *Jahim*lah tempat kediamannya. Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya, serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu” (al-Nazi‘at, 79:37-40).

Hakikat manusia dalam falsafah sains halal telah menjelaskan bahawa walaupun manusia merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang unggul dan sempurna berbanding dengan makhluk yang lain, namun pada manusia terdapat kekurangan, ketakutan dan kelemahan. Inilah keseimbangan dalam Islam. Hal ini menjadikan manusia sentiasa bertawaduk dan berterusan proses penyerahan diri kepada Allah SWT sama ada sebagai khalifah di bumi atau sebagai hamba-Nya. Hal ini dijelaskan seperti dalam Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Hubung Kait Hakikat Manusia dengan Rezeki yang Halal Lagi Baik

Di sebalik penjelasan Allah SWT mengenai kejadian, kemuliaan dan kekuatan, kelemahan dan ketakutan manusia, Allah SWT juga mengingatkan manusia akan perjanjian yang pernah dilakukan seperti firman-Nya yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Dia kehendaki” (al-Ma’idah, 5:1).

Ayat Surah al-Ma’idah (5:1) ini menerangkan tentang perjanjian atau ikrar manusia yang beriman terhadap Allah SWT. Al-Tabariy (2007f) menyatakan ikrar ini membuktikan manusia yang menghambakan diri kepada-Nya, menerima ketuhanan-Nya serta mempercayai kenabian Nabi Muhammad SAW serta syariat yang disampaikan. Secara lebih terperinci, M.Quraish Shihab (2001d:6) menghuraikan, apabila terdapat ayat yang dimulai dengan lafaz ‘Wahai orang-orang yang beriman’, ia bukan sahaja bermaksud sebagai panggilan mesra tetapi merupakan peringatan supaya hamba-Nya mempersiapkan diri bagi melaksanakan tuntutan yang disampaikan.

Terdapat perjanjian (akad) yang telah dilakukan ketika manusia di alam roh untuk setia menjadi hamba Allah SWT dan melaksanakan perintah-Nya. Perjanjian tersebut bermaksud kepatuhan manusia terhadap semua perkara yang dihalalkan dan diharamkan Allah SWT sesuai seperti yang dikehendaki-Nya (Ibn Kathir, 2008d:23). Secara lebih khusus, akad bererti perjanjian beriman kepada Allah SWT iaitu mengenal hakikat *uluhiyyah* (keesaan Allah SWT

sebagai Tuhan yang disembah), *'ubudiyyah* (perhambaan kepada Allah SWT) dan *rububiyyah* (Keesaan Allah SWT sebagai Pentadbir). Perjanjian ini juga menunjukkan iltizam, kepatuhan yang mutlak serta penyerahan diri yang mendalam kepada Allah SWT (Qutb, 2001:157).

Justeru, memahami manusia menerusi sains halal dalam al-Qur'an bukan sahaja meletakkan manusia sebagai khalifah yang mempunyai peranan dalam aspek fizikal dan material semata-mata. Tugas manusia yang merangkumi menjalankan aktiviti sains halal serta mengurus pembangunan lestari menerusi sains halal sebenarnya perlu difahami terlebih dahulu dengan tiga aspek berikut iaitu; pertama, manusia mempunyai kemuliaan fizikal, psikologi dan hidup.

Kedua, manusia diberikan dengan pelbagai kelebihan antaranya diturunkan kitab dan nikmat kenabian sebagai panduan, harta benda seperti makanan yang baik untuk kelangsungan hidup dan lain-lain lagi. Sekali gus menunjukkan, kurniaan rezeki seperti makanan, minuman, pakaian, tubuh badan, tempat tinggal, sumber rezeki dari langit dan bumi adalah nikmat yang meletakkan manusia sebagai mulia dan dilebihkan berbanding makhluk lain. Namun, di sebalik kehebatan tersebut, Allah SWT seimbangkan dengan nyatakan kekurangan dan ketakutan yang ada manusia. Hal ini bertepatan dengan hakikat manusia dalam falsafah sains halal yang membincangkan manusia bukanlah sebagai makhluk fizikal semata-mata yang ada nikmat tubuh badan dan akal tetapi terdapat padanya keperluan psikologi yang perlu diterokai.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana membiayai kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan MyRA (GPM) Lulusan Ph.D bagi tahun 2022-2024. Geran bertajuk Falsafah Sains Halal Dalam Isu Keselamatan Makanan Di Malaysia: Kajian Terhadap Pengusaha Makanan Di Malaysia. RMC/ RD/85/022/2022

Kesimpulan

Umumnya, sains halal sering dikaitkan dengan kemajuan sains dan teknologi sama ada dalam industri mahupun kajian akademik dengan tujuan memastikan produk halal seperti makanan, minuman, farmaseutikal, alat kosmetik, bahan kegunaan lain mencapai standard tersendiri. Sekali gus memenuhi dan seiring dengan kemajuan pembangunan lestari menerusi industri halal. Industri halal juga menjanjikan peningkatan taraf hidup, keselamatan dan kapasiti tenaga kerja yang maksimum. Justeru, inovasi sains dan teknologi dalam pembangunan lestari seharusnya menyebabkan manusia kembali mengenal dirinya supaya tidak melanggar fitrah insani serta memenuhi etika seperti yang sepatutnya. Walaupun dalam usaha mendapatkan rezeki yang baik seperti makanan yang halal, sihat, berzat dan lain-lain lagi. namun, Islam yang meletakkan manusia lebih tinggi daripada makhluk lain yang perlu diteliti hakikat kejadiannya. Pada diri manusia bukan sahaja perlu memenuhi keperluan jasmani sahaja tetapi merangkumi hakikat kejadian, roh, *qalbu*, nafsu, emosi dan lain-lain lagi.

Rujukan

- Abd Rahman Abdullah. (2010). *Wacana falsafah sains, sejarah dan pemikiran. Pulau pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), USM.*
- ‘Imaaduddin Abdul Halim dan Noor Shakirah Mat Akhir (2016). Tafsir Ayat-Ayat al-Quran berkenaan Penjagaan Alam Sekitar, *Afkar* Vol. 18 Issue 1. Hlm 91-130.
- Khairul Azhar Meerangani (t.t). Kepentingan penjagaan alam sekitar menurut perspektif maqasid syariah. <https://kuim.academia.edu/KhairulAzharMeerangani/Books>
- M.Quraish Shihab (2003b). *Tafsir al-Misbah pesan, kesan dan keserasian al-Qur’an*, Jil. 1-13. Jakarta: Penerbit Lentera Hari.
- al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. (2001a). Tafsir al-Maraghiy Jil. 1-8 (Terj. Muhammad Talib: Tafsir al-Maraghiy). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Mat Rofa Ismail (2013). Epistemologi falsafah dan etnomatematik: ke arah kesepaduan kuantitatif dan kualitatif. Kertas Kerja dibentangkan di *Seminar Etnonatematik Melayonesia II*, Pada 25 & 26 Nov. 2013, di Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh
- Mohammad Aizat Jamaluddin & Mohd Anuar Ramli. (2013, November). Aplikasi istilah dalam industri halal semasa. Kertas Kerja yang dibentangkan di *Seminar Pendekatan Istihalah Dalam Produk yang Berunsurkan Babi*. Anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang.
- Mohd Yusof Othman (2017). *Sains dalam ekosistem ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Yusof Othman. (2009). *Sains, masyarakat dan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn Bhd.
- Osman Bakar. (2008). Persoalan Mengenai Kaedah Dalam Sains Islam. Dlm. Baharudin Ahmad (ed). *Falsafah Sains Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qurtubiy, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansariy. (2008b). Tafsir al-Qurthubi Jilid 4-16 (Terj. Fathurrahman, Nashiulhaq dan M.Ikbal Kadir). Jakarta: Pustaka Azzam
- Qutb, Sayid. (2001b). *Tafsir fi zilalil qur’an di bawah bayangan al-Qur’an Jil. 1-14* (Terj. Yusoff Zaky Yacob). Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Sa’adan Man (November, 2013). Pendekatan istihalah dalam produk yang berunsurkan babi. Kertas Kerja yang dibentangkan di *Seminar Pendekatan Istihalah Dalam Produk yang Berunsurkan Babi*. Anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang.
- Seyyed Hossein Nasr. (2008). Islam dan sains moden. Dlm Baharudin Ahmad (ed). *Falsafah sains dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahirah Said & Mohd Shukri Hanapi (2019). Philosophical Concept of Halal Science: Thematic Exegesis Research. *Journal of Techno Social UTHM*. Vol. 11, No 1 hlm
- al-Syawkaniy, Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad. (2008c). *Tafsir fathul qadir Jilid 4-7* (Terj. Ahsan Askan. Jakarta: Pustaka Azzam)
- al-Tabariy, Abi Ja‘far Muhammad bin Jarir. (2009a). *Tafsir Ath-Thabari* Jilid 1-23 (Terj. Ahsan Askan). Jakarta: Pustaka Azzam

United Nation. The Sustainable Development Agenda. Dicapai daripada <http://www.un.org/sustainabledevelopment/development-agenda>

Ziauddin Sardar (1992). *Hujah sains Islam*. Terj. Abdul Latif Samian. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Zuhayliy, Wahbah al-Zuhayliy (2016a). *Tafsir al-Munir Jil. 1-12* (Terj. Abdul Hayyie al-Kattani, Mujiburrahman Subadi dan Muhammad Mukhlisin). Jakarta: Gema Insani